

24/01/2001

Bantahan penutupan Pusat Asasi Sains berunsur politik: Aziz

MELAKA, Selasa - Tindakan sesetengah pihak, termasuk pensyarah dan golongan profesional yang membantah cadangan pihak pengurusan Universiti Malaya (UM) untuk menutup Pusat Asasi Sainsnya mulai April ini, memang mempunyai unsur politik.

Bagaimanapun, politik yang diamalkan di negara ini ialah politik keamanan dan kesejahteraan tetapi bukannya politik menekan pihak tertentu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata, atas dasar kepentingan politiklah, kerajaan memberi peluang kepada anak bangsa, khususnya orang Melayu, menikmati peluang pendidikan yang lebih tinggi dalam negara.

Katanya, jika kepentingan politik tidak diberi perhatian, sudah tentu negara ini memiliki satu universiti saja, iaitu UM.

Beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata, atas dasar kepentingan politik juga, kerajaan mengambil keputusan menubuhkan universiti lain seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.

"Bagi memenuhi keperluan rakyat negara ini, cuma satu universiti diperlukan tetapi disebabkan peluang politik yang memberi keamanan dan kesejahteraan, kerajaan membina sehingga 15 universiti.

"Selain itu, kerajaan juga menggalakkan penubuhan beberapa institusi persendirian tetapi mesti tertakluk kepada kehendak Kementerian Pendidikan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita selepas menerima anugerah bintang kebesaran Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa gelaran Datuk daripada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Syed Ahmad Shahbuddin di Istana Melaka di sini, pagi ini.

Turut menerima darjah kebesaran hari ini ialah pengerusi Nishihan (M) Sdn Bhd, Datuk Mohd Hanif Sher Mohd yang dianugerahkan Darjah Seri Melaka (DSM).

Abdul Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain yang tidak mahu isu penutupan pusat asasi sains itu, dipolitikkan oleh pihak tertentu.

Mengenai tanggapan sesetengah ibu bapa bahawa pusat matrikulasi yang diwujudkan Kementerian Pendidikan, tidak dapat menandingi kehebatan Pusat Asasi, Abdul Aziz menganggap tanggapan itu kurang adil dan tidak boleh dijadikan perbandingan.

Katanya, kursus yang disediakan oleh Pusat Asasi Sains UM begitu berbeza kerana pelajar dilatih untuk mengisi peluang pendidikan di universiti itu saja sedangkan pelajar program pusat matrikulasi, boleh memohon mana-mana universiti, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Penubuhan Pusat Asasi Sains UM adalah inisiatif Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu juga menjadi Menteri Pendidikan, bertujuan mengimbangi bilangan pelajar aliran sains Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

"Oleh kerana itu, mesyuarat MT semalam juga sudah memutuskan supaya isu ini diserahkan kepada beliau untuk diambil tindakan seterusnya," katanya.

(END)